

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK UNTUK AHLI YANG DILINDUNGI

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Prudential BSN Takaful Berhad

ProSave

(Ini adalah produk takaful)

Jun 2025

1. Apakah produk ini?

ProSave adalah suatu pelan takaful berkelompok di mana United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (UOBM) adalah Pemegang Sijil Induk kepada pelan ini. Ahli yang Dilindungi untuk pelan ini adalah pelanggan-pelanggan UOBM yang berumur di antara 16 hingga 60 tahun pada tarikh lahir akan datang yang mempunyai ProSave Account-i. Pelan ini terdiri daripada manfaat-manfaat Group Term Takaful dan Group Crisis Protector. Sumbangan untuk pelan ini akan dibayar oleh Pemegang Sijil Induk. ProSave adalah suatu produk patuh Shariah.

2. Apakah konsep Shariah yang berkenaan?

- *Ta'awun* - Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta'awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* (dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta) adalah *Tabarru`at* (kebajikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah* - Suatu persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah pelan ini. Sebagai bayaran untuk perkhidmatan ini, PruBSN akan mengambil sebahagian daripada sumbangan sebagai Caj *Wakalah*. Selain daripada Caj-caj *Wakalah*, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diberikan daripada Dana *Tabarru`*.

3. Apakah perlindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

(i) Group Term Takaful (GTT)

Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) akibat sebab semulajadi atau kemalangan. Manfaat TPD akan dipercepatkan dan sebarang bayaran yang dibuat kepada Ahli yang Dilindungi untuk manfaat TPD akan mengurangkan jumlah yang dilindungi untuk GTT bersamaan dengan amaun yang telah dibayar. Perlindungan di bawah pelan akan ditamatkan apabila salah satu daripada manfaat telah dibayar.

(ii) Group Crisis Protector (GCP)

Suatu amaun sekaligus akan dibayar sekiranya Ahli yang Dilindungi didiagnos dengan penyakit kritikal yang dilindungi. Sebarang bayaran yang dibuat kepada Ahli yang Dilindungi untuk manfaat GCP akan mengurangkan jumlah yang dilindungi untuk GTT dan GCP bersamaan dengan amaun yang telah dibayar.

Terdapat 36 penyakit kritikal yang dilindungi di bawah GCP:

- | | | |
|---|---|--|
| 1. Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk | 13. Ensefalitis | 26. Penyakit sistik medular |
| 2. Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari* | 14. Kegagalan hati tahap akhir | 27. Penyakit neuron motor |
| 3. Meningitis Bakteria | 15. Penyakit paru-paru tahap akhir | 28. Sklerosis Multipel |
| 4. Tumor otak benign | 16. AIDS dengan gejala penuh | 29. Kelumpuhan anggota |
| 5. Buta | 17. Hepatitis viral fulminan | 30. Penyakit Parkinson |
| 6. Pembedahan otak | 18. Serangan jantung | 31. Hipertensi arteri pulmonari primer |
| 7. Kanser | 19. Pembedahan Injap Jantung | 32. Penyakit arteri koronari serius |
| 8. Kardiomiopati | 20. Jangkitan HIV melalui transfusi darah | 33. Strok |
| 9. Anemia aplastik kronik | 21. Kegagalan buah pinggang | 34. Pembedahan aorta |
| | 22. Kehilangan upaya hidup sendiri | 35. Lupus eritematosus sistemik dengan komplikasi buah pinggang yang teruk |
| | 23. Hilang keupayaan bertutur | |

10. Koma
 11. Pembedahan pintasan arteri koronari
 12. Pekak
- * Untuk Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, bayaran manfaat hanya terhad kepada 10% daripada jumlah yang dilindungi.
24. Trauma kepala major
 25. Transplant organ utama/sumsum tulang
36. Kelecuran tahap ketiga

Di bawah adalah butiran mengenai amaun manfaat:

BAKI PURATA BULANAN DI DALAM PROSAVE ACCOUNT-i	JUMLAH YANG DILINDUNGI UNTUK GTT	JUMLAH YANG DILINDUNGI UNTUK GCP
sehingga RM 6,999	RM 1,500	RM 1,500
RM 7,000 – RM 12,999	RM 5,000	RM 5,000
>= RM 13,000	RM 10,000	RM 10,000

Jumlah yang dilindungi mungkin berubah bergantung kepada baki purata bulanan di dalam ProSave Account-i pada bulan yang sebelumnya. Sekiranya Ahli yang Dilindungi menutup ProSave Account-i, perlindungan di bawah pelan ini akan ditamatkan.

4. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini?

Kematian

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya kematian adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh perlindungan berkuatkuasa; atau
- sebarang keadaan sedia ada.

Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya TPD adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- sebarang perbuatan jenayah atau sebarang cubaan untuk melakukan perbuatan jenayah; atau
- sebarang penyalahgunaan dadah atau bahan perangsang termasuk sebarang kesan sampingan yang timbul akibat penyalahgunaan tersebut; atau
- peperangan atau tindakan-tindakan agresif seperti penaklukan, tindakan daripada negara-negara asing, tindakan daripada musuh (sama ada perang telah diisytiharkan atau tidak), perang saudara, kebangkitan, revolusi, rusuhan, campur tangan daripada pihak tentera dan rampasan kuasa; atau
- sebarang penglibatan di dalam sukan profesional, selaman skuba, sebarang bentuk perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang di atas pesawat pembawa penumpang komersil yang berlesen dan beroperasi mengikut laluan biasa yang telah dijadualkan atau sebarang aktiviti atau sukan yang merbahaya (termasuklah lompatan bungee, geluncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara); atau
- sebarang keadaan sedia ada.

Penyakit Kritikal

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya penyakit kritikal adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- sebarang keadaan di mana simptom-simptomnya telah wujud dalam tempoh:
 - i. 60 hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa untuk angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, kanser, pembedahan pintasan arteri koronari, serangan jantung atau penyakit arteri koronari serius; dan
 - ii. 30 hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa untuk penyakit kritikal yang dilindungi selain daripada yang disebutkan di atas; atau
- kecederaan atau penyakit yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri, sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- sebarang keadaan sedia ada; atau

- kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Pengecualian hanya diberikan untuk AIDS dengan gejala penuh atau HIV yang disebabkan oleh transfusi darah; atau
 - sebarang perbuatan jenayah atau sebarang cubaan untuk melakukan perbuatan jenayah; atau
 - sebarang kecederaan atau penyakit yang diakibatkan oleh peperangan, sama ada yang telah diisyiharkan atau tidak.

5. Di manakah untuk mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Ahli yang Dilindungi memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila hubungi PruBSN di:

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)

Aras 13, Menara Prudential,

Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange

Kuala Lumpur

Radiant Lamp
Tel: 03 2778 2155

E-mel: corporatesupport@pruhsn.com.my

Anda juga boleh lawati laman web kami di www.prubsn.com.my

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

6. Lain-lain perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan:

Sila hubungi kami atau wakil bank untuk mengetahui mengenai jenis-jenis perlindungan takaful lain yang ditawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SEPENUHNYA SEMUA MAKLUMAT MENGENAI MANFAAT-MANFAAT DAN TERMA-TERMA YANG TERKANDUNG DI DALAM LAMPIRAN KETERJERANGAN PRODUK INI. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI TERUS PENGENDALI TAKAFUL ATAU WAKIL BANK SEKIRANYA ANDA INGINKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (lajari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang dibekalkan di dalam lampiran keterangan ini adalah sah pada atau sehingga 1/Mac/2024.

Disediakan oleh: Prudential BSN Takaful Berhad

Tarikh: 1 Mac 2024

UOBM ProSave v5.0